

JABATAN TEKNOLOGI TEKSTIL
KAJIAN SAINS GUNAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

PENGHASILAN SONGKET SEPARA MEKANISASI

- 1 -

(PERANTI CORAK DOBBY)

JAMALUDDIN MUHAMMAD
JAMIL HJ. SALLEH
WAN YUNUS WAN AHMAD

NOVEMBER 1992

ABSTRAK

Songket adalah satu warisan seni melayu yang harus dikekalkan kerana ia tetap menjadi kebanggaan di majlis-majlis rasmi dan acara-acara keramaian. Tetapi, kerana kerumitan penghasilannya serta pulangan yang kecil bagi penenun, seni ini dikhuatiri akan lupus ditelan zaman. Menyedari hakikat ini, penyelidikan ini diusahakan agar seni ini dapat dipertahankan dengan mengenalpasti kelemahan kaedah penghasilan songket secara tradisional dan mengubahsuai kaedah lama itu dengan mengambil kira teknologi tenunan masa kini.

Pengubahsuaian yang dilakukan ialah menggunakan peranti corak 'dobby' dalam kawalan mencorak songket secara mekanikal. Tenunan yang dilakukan maseh menggunakan akik tangan, tetapi bertorak terbang. Oleh itu, akik yang digunakan bolehlah disebut akik separa mekanisasi. Dalam menggunakan doobby pula, pengubahsuaian juga dilakukan kepada wayar hild dan pelan atur masuk (drawing-in) untuk menenun songket.

Dengan pengubahsuaian yang dilakukan, songket dapat ditenun tetapi dengan peranti corak doobby corak songket yang dihasilkan tidaklah besar dan lebih sesuai untuk songket corak penuh. Walaupun begitu, hasilnya sangat menggalakkan kerana dengan menggunakan peranti doobby 24 karat, corak yang dapat dihasilkan mempunyai ulangan lungsin sebanyak 132, iaitu hampir 6 kali ganda kemampuan doobby bagi fabrik biasa. Disamping itu, adalah dianggarkan kaedah ini lebih cepat dalam keseluruhan operasi tenunan terutamanya mencorak.

Penyelidikan yang dijalankan bukanlah kaedah muktamad dalam mempermudah penghasilan songket, tetapi ianya adalah satu percubaan awalan. Memang telah dijangkakan peranti doobby tidak mampu untuk mencorak songket dengan corak yang besar, tetapi kaedah ini membuka jalan bagi kajian lanjut menggunakan peranti corak 'jacquard' dan seterusnya mengautomasikan sepenuhnya tenunan songket.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada mereka-mereka yang tersebut di bawah kerana telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kerja-kerja penyelidikan ini:

- Encik Norajemi Misba dan Encik Zamri Saimon selaku pembantu penyelidik,
- Encik Jamaludin Kharruddin dan Encik Mohd. Yusof Sidin, kakitangan makmal Jabatan Teknologi Tekstil,
- Puan Norwani Mohd. Nawawi, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia,
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Terengganu,
- Che' Minah Songket, Kelantan,
- Encik A.L.Yong, Pengurus Unitex Sdn Bhd, Shah Alam,
- Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Institut Teknologi Mara,
- Juga kepada semua individu atau kumpulan yang telah memberi galakan, pertolongan serta laluan kepada kami samada secara langsung atau tidak langsung.

KANDUNGAN

<u>TAJUK</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Songket Melayu	2
1.2 Penghasilan Songket Mengikut Kaedah Tradisional	3
1.2.1 Mencilup	3
1.2.2 Menerai	4
1.2.3 Menganing	4
1.2.4 Mengumpar	4
1.2.5 Menyapuk	4
1.2.6 Mengarat	5
1.2.7 Menyongket	5
1.2.8 Menenun	6
2.0 Objektif Projek	9
3.0 Kaedah	10
3.1 Peralatan	10
3.2 Proses	10
3.2.1 Pelungsingan	16
3.2.2 Draw-In (Atur Masuk)	20
3.2.3 Denting (Menyapuk)	26
3.2.4 Mencorak	28
(a) Corak Asas	29
(b) Mencorak Pada Peranti Dobby	35
3.2.3 Kumparan Peleting (Pirn Winding)	41
3.2.6 Tenunan (Weaving)	43

4.0 Keputusan	45
4.1 Corak 1	45
4.2 Corak 2	46
4.3 Corak 3	48
4.4 Corak 4	50
4.5 Corak 5	52
5.0 Kesimpulan	55
6.0 Cadangan	57
Rujukan	58